

16/03/2001

BN dijangka bincang isu gilir KM

Kadir Dikoh; Rosli Jalil; Muhd Yusuf Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) esok dijangka membincang isu penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah setelah tempoh dua tahun penyandangannya, Datuk Osu Sukam, berakhir hari ini.

Bagaimanapun, belum diketahui sama ada Perdana Menteri juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memperkenalkan formula baru berlandaskan perkongsian kuasa dalam usaha menangani permasalahan politik di Sabah.

Dr Mahathir, ketika ditanya pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Lipis dan Raub di Kuala Lipis hari ini bagaimanapun berkata, proses mengganti Osu memakan sedikit masa.

Beliau juga berkata, tidak ada tarikh yang tetap untuk Osu menamatkan perkhidmatannya itu.

"Walaupun Ketua Menteri Sabah memegang jawatan bagi tempoh dua tahun, kerajaan tidak menyatakan bila tempoh akhirnya yang sebenar," katanya.

Di Kota Kinabalu, semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, termasuk Osu, berlepas ke ibu kota hari ini bagi menghadiri perjumpaan dengan Dr Mahathir, yang dijadualkan sebelum mesyuarat Dewan Tertinggi BN esok.

Presiden Parti Liberal Demokrat (LDP), Datuk Chong Kah Kiat ketika dihubungi mengesahkan mengenai pertemuan semua pemimpin parti komponen BN dari Sabah dengan Perdana Menteri, pagi esok.

"Pertemuan PM dengan pemimpin dari Sabah akan berlangsung sebelum perjumpaan beliau dengan pemimpin BN lain. Bagaimanapun tiada agenda khusus yang akan dibincangkan," katanya enggan mengulas lanjut.

Setiausaha Agung Parti Maju Sabah (SAPP), Richard Yong ketika dihubungi berkata, presiden parti Datuk Yong Teck Lee berlepas ke Kuala Lumpur hari ini kerana perjumpaan dengan Perdana Menteri pagi esok.

"Ia hanyalah perjumpaan biasa dengan PM yang membabitkan semua pemimpin BN Pusat, tiada ada agenda lain selepas itu. Tidak tahulah Dr Mahathir akan berjumpa dengan pemimpin parti komponen BN Sabah untuk berbincang mengenai penggiliran Ketua Menteri sebelum atau selepas perjumpaan berkenaan," katanya.

Setiausaha Agung Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Louis Rampas juga berkata perbincangan pemimpin partinya, Datuk Joseph Kurup dengan PM adalah pertemuan yang membabitkan semua pemimpin BN Pusat yang tentunya tiada kaitan dengan isu penggiliran Ketua Menteri.

Sistem penggiliran ketua menteri memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama, Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina untuk menerajui kerajaan negeri selama dua tahun bagi setiap pemimpin.

Sistem berkenaan yang diperkenalkan sejak BN mengambil alih pemerintahan 17 Mac 1994 lalu menimbulkan kontroversi setiap kali berakhir tempoh perkhidmatan Ketua Menteri.

Selain Umno, MCA dan MIC, parti komponen BN lain di Sabah ialah Pertubuhan Pasuk Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), PBRS, SAPP, Parti Keadilan Rakyat Bersatu (Akar) dan LDP.

(END)